

BAB 6

SUMBER MANUSIA





PERJAWATAN

Pada tahun 2020, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah meluluskan 34 skim perkhidmatan (jawatan) baharu kepada UniMAP, manakala jumlah semasa staf UniMAP yang berstatus tetap adalah 1,710 yang terdiri daripada 1,023 staf Kumpulan Pengurusan Dan Profesional (Akademik), 164 staf Kumpulan Pengurusan Dan Profesional (Pentadbiran) dan 523 staf Kumpulan Pelaksana.

Pelantikan baharu ke jawatan berstatus tetap melibatkan 81 staf yang terdiri daripada 38 staf Kumpulan Pengurusan Dan Profesional (Akademik), 6 staf Kumpulan Pengurusan Dan Profesional (Pentadbiran) dan 37 staf Kumpulan Pelaksana.

Bilangan keseluruhan staf berstatus kontrak UniMAP yang aktif sehingga 31 Disember 2020 adalah seramai 369 staf yang turut merangkumi 16 orang staf Bukan Warganegara yang terdiri daripada tiga (3) Indonesia, dua (2) Myanmar, dua (2) Thailand dan masing-masing satu (1) daripada Bangladesh, Jepun, Nigeria, Sudan, Pakistan, Republik Rakyat China, Filipina, India dan Permanent Residence .

Pada tahun 2020, UniMAP telah melantik 38 staf berstatus kontrak yang baharu terdiri daripada 38 staf Kumpulan Pengurusan Dan Profesional (Akademik), lima (5) staf Kumpulan Pengurusan Dan Profesional (Pentadbiran) dan 29 staf Kumpulan Pelaksana.

KENAIKAN PANGKAT STAF

Pada tahun 2020, tujuh (7) staf Kumpulan Pengurusan Tertinggi (Akademik), 72 staf Kumpulan Pengurusan Pengurusan Dan Profesional (Akademik), 11 staf Kumpulan Pengurusan Pengurusan Dan Profesional (Pentadbiran) serta 31 staf Kumpulan Pelaksana telah diperakukur untuk dinaikkan pangkat mengikut gred jawatan masing-masing.

STAF YANG MENINGGALKAN PERKHIDMATAN

Pada tahun 2020, 51 staf telah meninggalkan perkhidmatan merangkumi 10 staf yang telah bersara wajib, 19 staf meletakkan jawatan, dua (2) staf ditamatkan pekhidmatan atas faktor kesihatan, lima (5) staf meninggal dunia dan 15 staf tamat kontrak perkhidmatan.

PERKHIDMATAN

KEBAJIKAN STAF

Pada tahun 2020, sejumlah RM757,603.13 dibelanjakan bagi perkhidmatan perubatan. Pecahan perbelanjaan adalah seperti berikut:

JENIS PERBELANJAAN	JUMLAH
Perbelanjaan Rawatan Klinik Panel	RM393,112.00
Perubatan	RM55,070.00
Pergigian	
Perbelanjaan Rawatan Hemodialisis Staf	RM129,469.00
Tuntutan Bil Hospital Yang Menggunakan Surat Jaminan (GL) UniMAP	RM110,172.50
Tuntutan Perbatuan dan Elaun (Bagi Tujuan Mendapatkan Rawatan Perubatan di Luar Stesen atas Rujukan Pegawai Perubatan Kerajaan)	RM1,818.98
Kos Perbelanjaan Kemudahan Perubatan seperti Alat, Ubatan dan lain-lain perkhidmatan perubatan	RM66,775.65
Lain-lain Tuntutan Perubatan	RM1,185.00
JUMLAH KESELURUHAN	RM757,603.13

Jadual 1: Senarai Pegawai Yang Bersara Wajib Pada Tahun 2020

BIL.	NAMA	JAWATAN	TARIKH BERSARA
1.	Encik Mat Jusoh Bin Latiff	Pengawal Keselamatan	1/1/2020
2.	Encik Roslan Bin Shaari	Ahli Muzik	29/1/2020
3.	Puan Rohela Binti Ariffin	Pegawai Teknologi Maklumat	3/3/2020
4.	Prof. Dr. Uda Bin Hashim	Profesor Gred Khas A	30/3/2020
5.	Puan Saodah Binti Hassan	Pegawai Kewangan	30/4/2020
6.	Prof. Dr. Rosni Binti Bakar	Profesor Gred Khas B	21/5/2020
8.	Encik Abdul Rani Bin Hamzah	Pengawal Keselamatan	6/6/2020
9.	Encik Abu Bakar Bin Noor	Pemandu Kenderaan	23/8/2020
10.	Encik Baharuddin Bin Keria	Pengawal Keselamatan	8/11/2020
11.	Puan Rusnani Binti Omar	Pegawai Tadbir	11/11/2020

Jadual 2: Senarai Pegawai Yang Bersara Pilihan Pada Tahun 2020

BIL.	NAMA	JAWATAN	TARIKH BERSARA
1.	Encik Rohmansara Bin Mansor	Penolong Jurutera	29/8/2020
2.	Encik Ghazali Bin Sha'ari	Pemandu Kenderaan	20/10/2020

Jadual 3: Senarai Pegawai Yang Meninggal Dunia Dalam Perkhidmatan Pada Tahun 2020

BIL.	NAMA	JAWATAN	TARIKH BERSARA
1.	Encik Hafizi Bin Hassan Al Kamal	Pembantu Operasi	25/2/2020
2.	Encik Amran Bin Hassan	Pengawal Keselamatan	24/4/2020
3.	Encik Dziyauddin Bin Mansur	Penolong Jurutera	10/6/2020
4.	Encik Mahamad Bakri Bin Abu Bakar	Pengawal Keselamatan	10/7/2020
5.	Encik Hizam Bin Ab Hamid	Pembantu Tadbir P/O	30/9/2020

KEMAJUAN KERJAYA**SKIM PENGAJIAN LATIHAN KAKITANGAN AKADEMIK (SPLKA)**

Seramai 37 orang staf akademik UniMAP telah diluluskan untuk Cuti Belajar di peringkat Ijazah Kedoktoran di bawah skim ini. Di bawah skim ini, terdapat beberapa skim yang ditawarkan iaitu Skim Peningkatan Profesionalisme (PP), Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) dan Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI). Bagi SLAB dan SLAI ianya ditaja oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mengikut bidang pengajian yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Cuti Belajar.

Data staf akademik yang terlibat bagi tahun 2020 adalah seperti berikut:

BIL	FAKULTI	PhD		PASCA KEDOKTORAN		JUMLAH
		DALAM NEGARA	LUAR NEGARA	DALAM NEGARA	LUAR NEGARA	
1.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (FTKA)	3	-	-	-	3
2.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (FTKM)	3	1	-	-	4
3.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik (FTKE)	12	1	-	-	13
4.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia (FTKK)	6	2	1	1	10
5.	Fakulti Sains Gunaan dan Kemanusiaan (FSGM)	7	-	-	-	7
6.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektronik (FTKEN)	-	-	-	-	-
JUMLAH KESELURUHAN		31	4	1	1	37

SKIM LATIHAN TENAGA PENGAJAR AKADEMIK (SLTPA)

UniMAP telah melantik seorang felo dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia untuk menyambung pengajian di peringkat Ijazah Kedoktoran di bawah Skim Latihan Tenaga Pengajar Akademik. Felo ini telah memilih universiti dalam negara untuk mengikuti kursus yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Cuti Belajar dan ditaja oleh KPT di bawah SLAI.

SKIM CUTI BELAJAR STAF KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL (PENTADBIRAN)

Pada tahun 2020, seorang staf Kumpulan Pengurusan & Profesional (Pentadbiran) telah ditawarkan untuk menyambung pengajian di bawah penajaan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) dari KPT. Staf tersebut adalah seorang (1) Pegawai Teknologi Maklumat dari Pusat Pengurusan dan Pembangunan Digital (DMDC) dan telah melanjutkan pengajian di Universiti Sains Malaysia (USM) mulai 01 September 2020 sehingga 31 Ogos 2023 (36 bulan).

SKIM PASCA KEDOKTORAN (POST-DOCTORAL)

Skim ini ditawarkan bagi memberi peluang kepada staf akademik UniMAP yang telah menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Kedoktoran (PhD) untuk menjalankan aktiviti-aktiviti akademik lanjutan seperti pengajaran, penyelidikan, penulisan, penerbitan dan perundingan berhubung bidang pengajian yang dijalankan oleh mereka. Pada tahun 2020 dua (2) staf UniMAP diluluskan mengikuti skim ini di bawah biasiswa KPT, manakala 34 orang penyelidik luar telah diluluskan untuk menjalani skim ini di UniMAP.

CUTI SABATIKAL

UniMAP juga menawarkan kemudahan Cuti Sabatikal kepada staf akademik untuk mengikuti pengajian atau penyelidikan dalam bidang kepakaran serta berpeluang memperolehi pengalaman dan pengetahuan tentang perkembangan dan kemajuan teknologi terkini dalam sesuatu bidang kepakaran demi kemanfaatan warga universiti mahu pun negara. Pada tahun 2020, seramai dua (2) staf akademik telah menjalani Cuti Sabatikal.

SKIM SANGKUTAN (STAF UniMAP)

Skim ini bertujuan memberi pendedahan kepada staf akademik dan pentadbiran UniMAP untuk memahami dengan lebih mendalam tentang keperluan, tanggungjawab dan operasi sesebuah organisasi serta industri supaya dapat diaplikasikan dalam proses pentadbiran universiti. Ianya juga bertujuan untuk memberi pendedahan berfokuskan ilmu pengetahuan, pengalaman profesional dan perkongsian amalan terbaik agar staf dapat menjalankan tugas yang diamanahkan dengan efektif, kreatif, proaktif dan inovatif. Pada tahun 2020, sembilan (9) staf akademik dan seorang (1) staf pentadbiran mengikuti skim ini.

TAKLIMAT CUTI BELAJAR 2020

Tarikh	:	11 Februari 2020
Tempat	:	Bilik Seminar Siantan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan, UniMAP
Masa	:	9.00 pagi - 5.00 petang
Bil. Peserta	:	50 orang
Sasaran	:	Calon SLAB/SLAI/ Post Doktoral (PD) Tahun 2020

Taklimat Cuti Belajar merupakan program tahunan Unit Kemajuan Kerjaya, Jabatan Pendaftar yang bertujuan untuk menyampaikan maklumat secara terperinci berkaitan peraturan, syarat-syarat dan kemudahan yang diberikan kepada calon yang akan melanjutkan pengajian dalam bidang masing-masing.



BENGKEL PEMURNIAN TUNTUTAN GANTI RUGI DAN PECAH KONTRAK

Tarikh	:	27 - 29 November 2020
Tempat	:	Tasoh Lake Resort by Tasoh Tasikku, Kaki Bukit, Perlis
Masa	:	9.00 pagi - 5.00 petang
Bil. Peserta	:	25 orang
Sasaran	:	Staf dari Jabatan Pendaftar, Jabatan Bendahari serta Pejabat Penasihat Undang-Undang dan Integriti

Bengkel ini dikendalikan oleh Jabatan Pendaftar dengan kerjasama Pejabat Penasihat Undang-Undang dan Integriti bertujuan berkongsi maklumat dan menyelesaikan isu berkaitan garis panduan, syarat-syarat serta tuntutan ganti rugi dan pecah kontrak.





STATUS STAF/ FELO SEHINGGA DISEMBER 2020

Jadual 4: Staf/ Felo Aktif Mengikut Tahun

TAHUN	BILANGAN	
	STAF	FELO
Tamat 2021	39	1
Tamat 2022	41	Tiada
Tamat 2023	35	2
Tamat 2024	3	Tiada
Pelanjutan sehingga 2021	39	5
JUMLAH	157	8

Jadual 5: Staf Lapor Diri (Telah Submit Tesis)

TAHUN	BILANGAN	
	STAF	FELO
KES KHAS - SUBMIT TESIS	13	15

Jadual 6: Staf Lapor Diri (Belum Tamat Pengajian)

TAHUN	BILANGAN	
	STAF	FELO
LAPOR DIRI - BELUM TAMAT PENGAJIAN	19	11

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) DAN ANUGERAH KHAS PERKHIDMATAN CEMERLANG (AKPC)

Bilangan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) adalah 8 peratus daripada jumlah keseluruhan staf tetap yang masih berkhidmat dengan merujuk kepada Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bil. 2 Tahun 2002.

Selain itu, UniMAP juga memberikan Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang (AKPC) yang dijenamakan semula kepada satu anugerah sahaja seperti mana telah diluluskan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Ke-148 Bil.2/2020. Jumlah penerima AKPC adalah berdasarkan kepada 8 peratus daripada jumlah keseluruhan staf berstatus kontrak.

Penyampaian APC dan AKPC telah diadakan dalam Majlis Anugerah Seri Gemilang pada 25 Jun 2020 di Dewan Senat, Bangunan Canselor, Kampus Alam UniMAP, Pauh Putra.

Berikut adalah bilangan penerima APC dan AKPC bagi tahun 2019:

BIL	KATEGORI ANUGERAH	BILANGAN PENERIMA
1.	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)	132
2.	Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang (AKPC)	32

LATIHAN DAN PENGUKUHAN BAKAT

Perancangan dan pembangunan kursus serta latihan berkaitan program e-pembelajaran dan pembelajaran sepanjang hayat dalam memenuhi visi dan misi universiti diuruskan oleh Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD).

Secara amnya, program latihan yang dianjurkan sepanjang tahun 2020 memenuhi dua Teras Strategik UniMAP 2025 ; iaitu Teras Akademik & Teras Kecemerlangan Bakat. Program latihan yang telah dilaksanakan memenuhi keperluan 4 kompetensi akademik; 1) Kemahiran Pedagogi (*Pedagogical Expertise*), 2) Kemahiran Teknikal (*Technical Skills*), 3) Kreativiti & Inovasi (*Creativity & Innovation*) dan 4) Komunikasi (*Communication*).

Sebanyak 48 kursus dan bengkel telah dilaksanakan sepanjang tahun 2020 seperti yang berikut:

MAKLUMAT PERUNTUKAN / PROGRAM	JUMLAH KURSUS DILAKSANAKAN	JUMLAH PENYERTAAN STAF AKADEMIK
Vot Latihan Jabatan Pendaftar	18	1,314
Tabung TVET Jabatan Pendidikan Tinggi	11	480
Program University Social Responsibility (USR)	2	89
Kursus Anjuran Organisasi Luar	17	91
JUMLAH KESELURUHAN	48	1,974

Sebanyak 18 kursus dan bengkel telah dilaksanakan secara bersemuka dan 30 kursus dalam talian sepanjang tahun 2020. Bagi program yang dilaksanakan secara dalam talian, pautan nota dan video rakaman boleh ditonton semula di Google Sites : <https://sites.google.com/unimap.edu.my/lead-unimap-training/home>

Jadual 7: Analisis Belanjawan dan Peruntukan Kursus Tahun 2020

BIL.	PERUNTUKAN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH DIGUNAKAN (RM)
1.	Vot Latihan Jabatan Pendaftar	33,520.00	29,481.50
2.	Tabung TVET JPT	15,750.00	12,460.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		49,270.00	41,941.50



Kursus Bahasa Inggeris Siri 1 Tahun 2020 bagi Tujuan Pengesahan Jawatan, 29 Sept - 6 Okt 2020



Jerayawara Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian 2.0 @ UniMAP, 5 Oktober 2020, Hotel Seri Malaysia Kangar



Kursus Dalam Talian

The screenshot shows a Google Meet interface. On the left, there is a presentation slide for the 'Centre for Graduate Studies' at Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). The slide features the UniMAP logo, a photograph of the university's main entrance, and text about PhD & MSc (Supervisory Skill) studies. The website www.unimap.edu.my is listed at the bottom. On the right, a list of participants is shown, each with a small profile picture. The participants include MUHAMMAR MOHAMAD ISA, NIK MIZAMZUL MEHAT, LATIFAH MOHAMED, WOOI CHIN LEONG UNIMAP, and MUZAMIR ISA. A message from MUZAMIR ISA is visible: 'MUZAMIR ISA is presenting'. The interface also includes standard video conferencing controls like 'REC', 'Turn on captions', and a 'Send a message to everyone' button.

Kursus Dalam Talian

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

Bagi memenuhi keperluan/ kemahiran yang diperlukan oleh staf untuk tujuan kemajuan kerjaya dan peningkatan kompetensi, Unit Latihan dan Pengukuhan Bakat, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar dipertanggungjawabkan mengurus serta melaksana latihan/ kursus berkenaan.

Jadual 8: Penganjuran Kursus Sepanjang 2020

BIL.	KATEGORI	BIL. KURSUS	BIL. PESERTA	PERUNTUKAN PUSAT JABATAN PENDAFTAR - VOT LATIHAN (RM)	PERUNTUKAN UNIMAP 2025 - VOT KAWALAN NAIB CANSELOR (RM)
1.	Kursus Anjuran Dalaman	19	1,556	99,138.60	-
2.	Kursus Anjuran Bersama PTj	37	1,972	105,225.30	-
3.	Kursus Anjuran Luar (Anjuran Pelbagai UA / Agensi / Organisasi)	10	45	27,947.41	-
4.	Kursus Anjuran AKEPT	4	6	6,342.00	-
5.	Pelan Tindakan UniMAP 2025	2	56	-	38,200.00
6.	Program Sangkutan	-	-	-	1,196.99
7.	Post-Doc Programme	-	-	-	10,000.00
JUMLAH		3,635		238,653.31	49,396.99

Keseluruhan kursus yang dianjurkan berjalan dengan lancar walaupun pihak Unit Latihan dan Pengukuhan bakat mengalami kesukaran untuk penganjuran kursus berikutan *Standard Operating Procedure (SOP)* yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan *Guideline For Conducting Face To Face Training During The COVID-19 Pandemic* yang dikeluarkan oleh *Human Resources Development Fund (HRDF)* dalam usaha menangani penularan wabak COVID-19.



Bengkel Penetapan Kompetensi dan Latihan & Pembangunan Berteraskan Kompetensi Bagi Kumpulan Perkhidmatan Akademik, Pentadbir Profesional dan Pelaksana Universiti Malaysia Perlis



Kursus Penataran Bahasa Dalam Penulisan Dokumen Rasmi



Program Transformasi Minda 2020



Teaming With Passion 2020



Kursus Komunikasi Khidmat Pelanggan Berkesan



Kursus Imej Dan Keterampilan Profesional 2020